

Jumaat, Mac 30 2018

BNM tangkis pindahan dana secara haram

Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 29 Mac - Bank Negara Malaysia (BNM) pada 27 Mac lalu berjaya mengesan dan menangkis percubaan untuk memindahkan dana secara haram menggunakan sistem mesej Persatuan Telekomunikasi Kewangan Antara Bank Seluruh Dunia (SWIFT) palsu.

BNM dalam kenyataannya berkata, pihaknya tidak mengalami sebarang kerugian berhubung insiden tersebut.

Menurutnya, sistem pembayaran dan penyelesaian lain yang dikendalikan oleh BNM juga tidak terjejas sama sekali.

"Kesemua transaksi yang cuba dilakukan telah berjaya disekat menerusi tindakan pantas BNM dengan kerjasama SWIFT, bank-bank pusat dan institusi kewangan lain."

"Siasatan sedang dijalankan secara terperinci mengenai insiden ini dengan kerjasama agensi penguatkuasaan tempatan dan antarabangsa," katanya di sini hari ini.

Tambah BNM, semua langkah kawalan risiko yang ada setakat ini sangat berkesan untuk menghalang insiden seumpama itu daripada berulang.

Jelasnya, BNM tetap mengamalkan langkah-langkah keselamatan tambahan untuk melindungi pihak berkepentingan.



Katanya, BNM akan terus berada dalam keadaan berjaga-jaga dan sentiasa bersiap sedia kerana insiden pada masa hadapan mungkin melibatkan perancangan dan pendekatan yang lebih sofistikated.

"Institusi kewangan juga dinasihati supaya sentiasa berwaspada dalam menghadapi risiko keselamatan siber dan terus mengukuhkan sistem keselamatan masing-masing bagi menghadapi

ancaman pencerobohan seperti ini.

"Bank ingin meyakinkan orang ramai bahawa sistem pembayaran dan penyelesaian kekal tidak terjejas dan terus beroperasi dalam keadaan baik dan selamat," jelas bank pusat itu.

Dalam pada itu, BNM ketika dihubungi memberitahu, pihaknya tidak dapat mendedahkan secara terperinci berkaitan insiden tersebut.